

Nonsense: Breaking Regional Boundaries Bukan-Bukan: Mendobrak Batas-Batas Wilayah

Mohamad Fadly Sabran¹

¹Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak,
MALAYSIA

Author email: moham537@perak.uitm.edu.my¹

Published: 1 April 2018

ABSTRACT

"It's a nonsensical way to explain my show if I describe it as seeing a movie on a puppet stage. The plot is about social life, with myself as the protagonist, and politics acts as the setting and cinematography. This film (the work) is a parody in which the viewer can take the plot in either a positive or negative way." – Hawari Berahim

Keyword: Parody, positive, negative

ABSTRAK

"Jika saya gambarkan pameran saya ini seperti menonton filem di panggung wayang, bukan-bukan itu merupakan tajuk filem saya. Kehidupan sosial merupakan jalan ceritanya dan saya sendiri sebagai hero dan politik itu sebagai latar dan sinematografinya. Filem ini (karya) dalam bentuk parody yang mana tafsiran penceritaannya terpulang kepada penonton samada mahu menilai dalam bentuk positif atau negative" – Hawari Berahim

Kata kunci: Parodi, positif, negative

eISSN: 2550-214X © 2018. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

Pameran Solo oleh Hawari Berahim bertajuk ‘BUKAN-BUKAN’ telah di pamerkan di kapallorek Art Space, Seri Iskandar Perak. Pameran berlangsung dari 5hb September hingga 15hb Oktober 2016. Sujud Dartanto merupakan kurator pameran dan upacara perasmian telah di sempurnakan oleh Mamat Khalid (Pengarah Filem) pada hari rabu 21hb september, jam 8.30 malam dan di hadiri hampir seratus audien terdiri daripada pelbagai golongan pelajar, penggiat dan peminat seni.

Bukan-bukan memberi gambaran kepada dua pengertian. Bukan-bukan yang pertama adalah menidakkan/ menafikan (*repeal/deny*). Bukan-bukan yang kedua adalah mengarut (*nonsense*) atau melakukan perkara yang bukan dalam landasan yang normal (*ridiculous*). Idea utama pameran ini adalah bertujuan menceritakan (visual sharing) pengalaman, perasaan terhadap apa yang berlaku selama ini dengan menggabungkan tiga subjek utama iaitu peribadi, sosial dan politik menjadi satu ramuan.

Seni itu sesuatu yang rumit dan subjektif untuk dinilai dan difahami dan ia juga merupakan satu medium serius dalam menyampaikan apa sahaja isu dan polemik samada secara langsung atau tidak. Secara peribadi isu berkaitan sosial dan politik terlalu dekat dalam diri samada kita peduli ataupun tidak ia tetap menjadi bualan dan agenda penting dalam kehidupan sehari-hari.

Menurut Hawari Berahim “Saya lahir dalam kehidupan tahun 80an dan sempat menikmati cara hidup anak-anak 80an yang semasa kecil menonton tv selepas jam 4 petang kerana siaran rancangannya kurang dan kebanyakannya berita hanya berada didada-dada akhbar dan siaran percuma melalui bualan di kedai-kedai kopitiam. Zaman kanak-kanak merupakan zaman yang indah (joyful) seperti tiada apa yang perlu difikirkan dan hanya patuh pada perintah Tuhan dan suruhan

ibu bapa. Sedar atau tidak politik sudah meresapi dalam kehidupan sehari-hari samada dalam institusi kekeluargaan maupun kerajaan itu sendiri. Kebiasaan inilah yang membuatkan kita berperasaan patriotik, bersatu, demokrasi, menentang, menilai dan sebagainya. Semasa kita kecil jugalah setiap perbuatan yang terarah kepada sesuatu yang memerlukan jawapan, kita akan cenderung kepada pandangan dan juga perintah ibu bapa, dan tidak mustahil pengaruh kuat ibu bapa itulah yang akan menentukan apa saja pilihan kita”.

Sujud Dartanto dalam kuratorial teksnya pula menyatakan “Ideologi mengarahkan kita pada pembentukan ide/gagasan menjalani hidup. Ideologi tentu saja, sebagaimana keyakinan Althusser tidak disadari, ia telah menjadi sebagai sebuah ritus sehari-sehari dengan perangkat-perangkat materialnya, bahkan ideologi akan sampai pada level keluarga seperti yang direfleksifkan oleh Hawari, yaitu pada perintah ibu-bapa, yang ikut memberikan dan menentukan pilihan kita. Dalam memahami cara kerja ideologi, Antonio Gramsci merumuskan ideologi sebagai gagasan, makna, dan praktik-praktik yang, meski tampak seperti kebenaran-kebenaran universal, sebenarnya merupakan peta-peta makna yang menyokong kelompok-kelompok sosial tertentu. Baginya, yang paling penting, ideologi bukanlah sesuatu yang terpisah dari aktivitas-aktivitas praktis kehidupan, melainkan fenomena material yang memiliki akar dalam kondisi sehari-hari”.

Dalam menilai karya-karya seni, Dr Arief Datoem menyatakan yang Karya-karya seni visual secara keseluruhannya boleh dikaji dan diperhatikan dari tiga aspek estetika kreatif. Pertama, ia boleh dilihat daripada pendekatan estetik akademik yang dilaksanakan oleh artis untuk objek visualnya. Aspek kedua adalah dari pendekatan kreatif artis untuk menterjemahkan objek kerja beliau ke alam pelaksanaan estetik visual. Dan yang ketiga, ia boleh diperhatikan dari kualiti masa kini estetika visual dalam media peringkat dan pameran keseluruhan karya-karya seni.

Pendekatan akademik yang dijalankan oleh Hawari Berahim pada objek karya seni beliau dilakukan dengan cara mengalami dan simulasi yang mencerminkan motivasi artis untuk terus melaksanakan pemerhatian dan penghayatan dalam bidangnya. Usaha ini adalah untuk membentuk pemahaman falsafah objek kerjanya dengan mengeksploitasi pemerhatian yang rumit dan mendalam, diperkayakan dengan pengetahuan beliau memperluaskan estetika, dan juga pengalaman empirikal beliau. Ini betul-betul apa yang diajarkan pada pelajarnya setiap hari sebagai pensyarah seni.

Berbalik kepada pameran bukan-bukan, Hawari cuba membawa persoalan diri dalam kehidupan social yang berpolitik. Rangkuman cerita ini beliau bawa dalam bentuk sinikal dan parody. Menurut pemahaman dan melalui pemerhatian, parody adalah perbuatan (re-present) membuat balik sesuatu perkara (ajukan) dalam suasana positif atau negative. Dalam pengajian peringkat master, kajian Hawari lebih tertumpu kepada objek harian (daily object) dan penerimaan audience terhadap objek yang dilihat dalam kehidupan sehari-hari dan diangkat sebagai karya ke ruang galeri. Ianya, sesuatu perkara yang telah diparodikan samada positif atau negatif terhadap sesuatu cerita itu adalah terpulang kepada audience untuk menilainya. Hawari cuba mengkritik masyarakat dan persekitarannya terhadap apa yang di lihat, di dengar dan di baca, dan ini terbukti dalam pameran ini yang ianya merupakan respon beliau sebagai seorang seniman yang peka dengan caranya sendiri.

Pada detik inilah, menurut Sujud” Karya-karya Hawari dapat kita fahami, sejumlah karya-karya dua dan tiga dimensinya ini dengan sengaja justeru mengambil antropologi benda-benda, yaitu materialitas sehari-hari yang Hawari yakini juga memiliki muatan ideologis-Gramsci, atau mitis-Barthes. Lihat pada karya-karya *Bou(m)quet*, *Cerita sebuah negeri dongeng di zaman millennia*, *Rapuh*, *Senjata makan tuan*, *Bukan Ai Wei-Wei*, *Mona kini lebih advance*, *Bukan-bukan dongengan #1-5*. Pada masing-masing karya ini, Hawari melakukan praktik simbolisasi, sekaligus estetifikasi atas berbagai lambang-lambang kekuasaan. Pilihan ikon-simbolnya, meminta kita untuk mencari sendiri tautannya dengan citra kekuasaan: bunga, kartu poker, berbagai gerak tangan yang terpasung, anjing hitam yang menggit jari, perangkat besi, sosok yang memakai kaus “never sorry”, hingga perangkap besi. Pada sejumlah deretan imej dengan bingkai klasik, kita bisa

melihat gestur sosok perempuan/laki? Yang sedang duduk, berdiri, dengan aksi dramatik dengan latar kontras: “barat-timur”, dengan suasana interior klasik, hingga lanskap padi”.

Secara sensasi, Hawari Berahim bersetuju untuk kriteria seni ini bahawa kerja-kerja seni perlu dipaparkan dengan cara yang substantif di mana estetika kreatif mesti telah diambil kira. Oleh itu, dengan membuat keputusan untuk bukan sahaja meningkatkan kreatif estetik aspek kerja-kerja formalistik, tetapi juga untuk memberikan karya seni konfigurasi tiga dimensi. Dr Arief berpendapat Hawari melakukan ini dalam tujuan untuk mendapatkan kualiti emosi penonton dengan memberi kuasa kepada 'komposisi spatial' di peringkat perwakilan beliau. Cara perwakilan ini di lakukan dengan penggunaan warna utama cerah menjana nilai yang sangat luas kontras visual dan penglihatan. Ditambah pula dengan usaha yang berulang-ulang pada karya seni fotografi beliau, kerja-kerja berpasangan dengan eseи kronologi, dan juga pemilihan terperinci unsur-unsur visual untuk menstabilkan keseluruhan pengaruh visual, kemudiannya melaksanakan keharmonian karya seni. Hasilnya ialah satu fenomena yang menakjubkan idea dan konsep kreatif didedahkan dalam estetik visual yang luar biasa.

Mungkin membawa isu politik itu sendiri sudah basi tetapi apa yang cuba Hawari bawakan adalah sebuah persembahan objek pilihan dari kehidupan sosial yang tercemar dengan kekotoran politik. Perasaan marah beliau cukup membuak-buak apabila semua benda dalam kehidupan ini sudah dipolitikkan. Samada dari isu semasa, pendidikan, agama dan malahan seni itu sendiri. Kekuasaan politik itu semakin menjadi-jadi dan dijadikan sebagai agenda penting dalam mencapai apa sahaja hasrat. Hawari dengan sengaja menjadikan pameran ini sebuah refleksi diri dan masyarakat sekitarnya. Ini merupakan respon beliau sebagai seorang seniman yang peka dengan caranya yang tersendiri dalam memecahkan batas-batas wilayahnya.

Pameran Solo oleh Hawari Berahim bertajuk ‘BUKAN-BUKAN’ telah di pamerkan di kapallorek Art Space, Seri Iskandar Perak. Pameran berlangsung dari 5 hb September hingga 15 hb Oktober 2016. Sujud Dartanto merupakan kurator pameran dan upacara perasmian telah di sempurnakan oleh Mamat Khalid (Pengarah Filem) pada hari rabu 21 hb september, jam 8.30 malam dan di hadiri hampir seratus audien terdiri daripada pelbagai golongan pelajar, penggiat dan peminat seni.

Bukan-bukan memberi gambaran kepada dua pengertian. Bukan-bukan yang pertama adalah menidakkan/ menafikan (*repeal/deny*). Bukan-bukan yang kedua adalah mengarut (*nonsense*) atau melakukan perkara yang bukan dalam landasan yang normal (*ridiculous*). Idea utama pameran ini adalah bertujuan menceritakan (visual sharing) pengalaman, perasaan terhadap apa yang berlaku selama ini dengan menggabungkan tiga subjek utama iaitu peribadi, sosial dan politik menjadi satu ramuan.

Seni itu sesuatu yang rumit dan subjektif untuk dinilai dan difahami dan ia juga merupakan satu medium serius dalam menyampaikan apa sahaja isu dan polemik samada secara langsung atau tidak. Secara peribadi isu berkaitan sosial dan politik terlalu dekat dalam diri samada kita peduli ataupun tidak ia tetap menjadi bualan dan agenda penting dalam kehidupan sehari-hari.

Menurut Hawari Berahim “Saya lahir dalam kehidupan tahun 80an dan sempat menikmati cara hidup anak-anak 80an yang semasa kecil menonton tv selepas jam 4 petang kerana siaran rancangannya kurang dan kebanyakannya berita hanya berada didada-dada akhbar dan siaran percuma melalui bualan di kedai-kedai kopi. Zaman kanak-kanak merupakan zaman yang indah (*joyful*) seperti tiada apa yang perlu difikirkan dan hanya patuh pada perintah Tuhan dan suruhan ibu bapa. Sedar atau tidak politik sudah meresapi dalam kehidupan sehari-hari samada dalam institusi kekeluargaan mahupun kerajaan itu sendiri. Kebiasaan inilah yang membuatkan kita berperasaan patriotik, bersatu, demokrasi, menentang, menilai dan sebagainya. Semasa kita kecil jugalah setiap perbuatan yang terarah kepada sesuatu yang memerlukan jawapan, kita akan cenderung kepada pandangan dan juga perintah ibu bapa, dan tidak mustahil pengaruh kuat ibu bapa itulah yang akan menentukan apa saja pilihan kita”.

Sujud Dartanto dalam kuratorial teksnya pula menyatakan” Ideologi mengarahkan kita pada pembentukan ide/gagasan menjalani hidup. Ideologi tentu saja, sebagaimana keyakinan Althusser tidak disadari, ia telah menjadi sebagai sebuah ritus sehari-sehari dengan perangkat-perangkat materialnya, bahkan ideologi akan sampai pada level keluarga seperti yang direfleksifkan oleh Hawari, yaitu pada perintah ibu-bapa, yang ikut memberikan dan menentukan pilihan kita. Dalam memahami cara kerja ideologi, Antonio Gramsci merumuskan ideologi sebagai gagasan, makna, dan praktik-praktik yang, meski tampak seperti kebenaran- kebenaran universal, sebenarnya merupakan peta-peta makna yang menyokong kelompok-kelompok sosial tertentu. Baginya, yang paling penting, ideologi bukanlah sesuatu yang terpisah dari aktivitas-aktivitas praktis kehidupan, melainkan fenomena material yang memiliki akar dalam kondisi sehari-hari”.

Dalam menilai karya-karya seni, Dr Arief Datoem menyatakan yang Karya-karya seni visual secara keseluruhannya boleh dikaji dan diperhatikan dari tiga aspek estetika kreatif. Pertama, ia boleh dilihat daripada pendekatan estetik akademik yang dilaksanakan oleh artis untuk objek visualnya. Aspek kedua adalah dari pendekatan kreatif artis untuk menterjemahkan objek kerja beliau ke alam pelaksanaan estetik visual. Dan yang ketiga, ia boleh diperhatikan dari kualiti masa kini estetika visual dalam media peringkat dan pameran keseluruhan karya-karya seni.

Pendekatan akademik yang dijalankan oleh Hawari Berahim pada objek karya seni beliau dilakukan dengan cara mengalami dan simulasi yang mencerminkan motivasi artis untuk terus melaksanakan pemerhatian dan penghayatan dalam bidangnya. Usaha ini adalah untuk membentuk pemahaman falsafah objek kerjanya dengan mengeksploitasi pemerhatian yang rumit dan mendalam, diperkayakan dengan pengetahuan beliau memperluaskan estetika, dan juga pengalaman empirikal beliau. Ini betul-betul apa yang diajarkan pada pelajarnya setiap hari sebagai pensyarah seni.

Berbalik kepada pameran bukan-bukan, Hawari cuba membawa persoalan diri dalam kehidupan social yang berpolitik. Rangkuman cerita ini beliau bawa dalam bentuk sinikal dan parody. Menurut pemahaman dan melalui pemerhatian, parody adalah perbuatan (re-present) membuat balik sesuatu perkara (ajukan) dalam suasana positif atau negative. Dalam pengajian peringkat master, kajian Hawari lebih tertumpu kepada objek harian (daily object) dan penerimaan audience terhadap objek yang dilihat dalam kehidupan seharian dan diangkat sebagai karya ke ruang galeri. Ianya, sesuatu perkara yang telah diparodikan samada positif atau negatif terhadap sesuatu cerita itu adalah terpulang kepada audience untuk menilainya. Hawari cuba mengkritik masyarakat dan persekitarannya terhadap apa yang di lihat, di dengar dan di baca, dan ini terbukti dalam pameran ini yang ianya merupakan respon beliau sebagai seorang seniman yang peka dengan caranya sendiri.

Pada detik inilah, menurut Sujud” Karya-karya Hawari dapat kita fahami, sejumlah karya-karya dua dan tiga dimensinya ini dengan sengaja justeru mengambil antropologi benda-benda, yaitu materialitas sehari-hari yang Hawari yakini juga memiliki muatan ideologis-Gramsci, atau mitis-Barthes. Lihat pada karya-karya *Bou(m)quet*, *Cerita sebuah negeri dongeng di zaman millenia*, *Rapuh*, *Senjata makan tuan*, *Bukan Ai Wei-Wei*, *Mona kini lebih advance*, *Bukan-bukan dongengan #1-5*. Pada masing-masing karya ini, Hawari melakukan praktik simbolisasi, sekaligus estetifikasi atas berbagai lambang-lambang kekuasaan. Pilihan ikon-simbolnya, meminta kita untuk mencari sendiri tautannya dengan citra kekuasaan: bunga, kartu poker, berbagai gerak tangan yang terpasung, anjing hitam yang menggit jari, perangkat besi, sosok yang memakai kaus “never sorry”, hingga perangkap besi. Pada sejumlah deretan imej dengan bingkai klasik, kita bisa melihat gestur sosok perempuan/laki? Yang sedang duduk, berdiri, dengan aksi dramatik dengan latar kontras: “barat-timur”, dengan suasana interior klasik, hingga lanskap padi”.

Secara sensasi, Hawari Berahim bersetuju untuk kriteria seni ini bahawa kerja- kerja seni perlu dipaparkan dengan cara yang substantif di mana estetika kreatif mesti telah diambil kira. Oleh itu, dengan membuat keputusan untuk bukan sahaja meningkatkan kreatif estetik aspek kerja-kerja

formalistik, tetapi juga untuk memberikan karya seni konfigurasi tiga dimensi. Dr Arief berpendapat Hawari melakukan ini dalam tujuan untuk mendapatkan kualiti emosi penonton dengan memberi kuasa kepada 'komposisi spatial' di peringkat perwakilan beliau. Cara perwakilan ini dilakukan dengan penggunaan warna utama cerah menjana nilai yang sangat luas kontras visual dan penglihatan. Ditambah pula dengan usaha yang berulang-ulang pada karya seni fotografi beliau, kerja-kerja berpasangan dengan eseи kronologi, dan juga pemilihan terperinci unsur-unsur visual untuk menstabilkan keseluruhan pengaruh visual, kemudiannya melaksanakan keharmonian karya seni. Hasilnya ialah satu fenomena yang menakjubkan idea dan konsep kreatif didedahkan dalam estetik visual yang luar biasa.

Mungkin membawa isu politik itu sendiri sudah basi tetapi apa yang cuba Hawari bawakan adalah sebuah persembahan objek pilihan dari kehidupan sosial yang tercemar dengan kekotoran politik. Perasaan marah beliau cukup membuak-buak apabila semua benda dalam kehidupan ini sudah dipolitikkan. Samada dari isu semasa, pendidikan, agama dan malahan seni itu sendiri.

Kekuasaan politik itu semakin menjadi-jadi dan dijadikan sebagai agenda penting dalam mencapai apa sahaja hasrat. Hawari dengan sengaja menjadikan pameran ini sebuah refleksi diri dan masyarakat sekitarnya. Ini merupakan respon beliau sebagai seorang seniman yang peka dengan caranya yang tersendiri dalam memecahkan batas-batas wilayahnya.

